

FGV dijangka kembali untung suku ketiga

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 NOV.

FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dijangka kembali mencatat keuntungan bersih dianggarkan sebanyak RM70 juta pada pendapatan suku ketiga 2016 yang akan diumumkan 22 November ini.

Penganalisis Maybank IB Research, Ong Chee Ting berkata, jumlah itu bagaimanapun masih belum memadai untuk mengatasi kerugian pada separuh pertama sebanyak RM75 juta.

Katanya, ini kerana harga purata jualan minyak sawit mentah (MSM) yang lebih tinggi mengimbangi penurunan pengeluaran buah tandan segar (BTS) pada suku ketiga tahun ini, manakala bahagian gula pula berdepan harga bahan mentah yang tinggi.

“Bagi suku ketiga ini, pengeluaran BTS ialah 1.12 juta tan metrik menjadikan jumlah pengeluaran dalam tempoh sembilan bulan 2016 ialah 2.98 juta tan metrik. Penurunan pengeluaran (kira-kira 14 peratus tahun ke tahun) diimbangi oleh harga MSM

yang tinggi sekitar RM2,628 setan metrik dan minyak sirung sawit, RM2,694 setan metrik.

“Kami menganggarkan keseluruhan kos pengeluaran ini susut 26 peratus tahun ke tahun kepada RM2,320 ekoran inisiatif penjimatan kos pada tahun ini. Dengan itu, kami menjangkakan FGV akan kembali mencatat keuntungan sebelum cukai (penyelarasan bersih Perjanjian Sewaan Tanah - LLA) buat kali pertama dalam suku ini kepada RM64 juta dalam tempoh lima suku sebelum ini,” katanya dalam nota

kajian di sini hari ini.

Pada suku kedua berakhir 30 Jun lalu, FGV merekodkan perolehan sebanyak RM4.14 bilion, meningkat 10 peratus berbanding suku pertama, RM3.75 bilion manakala keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (Patami) meningkat 35 peratus kepada RM62 juta daripada RM46 juta bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

FGV turut mencatat keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM108 juta berbanding kerugian RM70 juta pada suku sebelumnya. Bagi suku itu juga, pengeluaran BTS FGV meningkat

38 peratus kepada 1.08 juta tan metrik berbanding 700,000 tan metrik pada suku pertama sekali gus menyumbang peningkatan 36 peratus pengeluaran MSM kepada 660,000 tan metrik.

Dalam sidang akhbar mengumumkan prestasi suku kedua Ogos lalu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Datuk Zakaria Arshad berkata, kumpulan berada dalam landasan yang betul untuk mencapai sasaran tahun ini bagi mengurangkan kos pentadbiran sebanyak RM100 juta.

Menurut Chee Ting, walaupun prestasi suku ketiga kemungkinan kurang memberangsangkan tetapi dijangka lebih baik pada suku keempat sekiranya harga purata jualan MSM kekal tinggi pada RM2,750 setan metrik, selain kerajaan meluluskan harga gula yang tinggi atau mengeluarkan harga gula mentah dan menjana keuntungan daripada pelupusan pegangan 16 peratus dalam Axa Affin General Insurance Berhad.

“Sumbangan pendapatan gula mencatat prestasi yang baik sejak MSM Malaysia Holdings Bhd. disenaraikan pada 2012 dengan PBT antara RM370 juta hingga RM400 juta setahun (bagi 2013 hingga 2015). Tetapi, penarikan subsidi gula telah menjejaskan pendapatan yang stabil ini,” katanya.

